

# Serang saksi: Pendakwaan mohon Najib diberi amaran keras

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pihak pendakwaan dalam kes penyelewengan dana RM2.28 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) semalam memohon agar bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dikenakan tindakan tegas kerana 'menyerang' saksi.

Saksi yang dimaksudkan ialah saksi pendakwaan ke-26, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz yang juga bekas Gabenor Bank Negara. Beliau masih belum dipanggil memberi keterangan dalam perbicaraan tersebut.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram memaklumkan Mahkamah Tinggi di sini, Najib telah memuat naik hantaran di akaun Facebook milik Ahli Parlimen Pekan itu pada 29 Disember lalu berkaitan Zeti.

Semakan di Facebook Najib, hantaran bertarikh 29 Disember 2020 antara lain mengaitkan Zeti dan ahli keluarganya menerima wang sejumlah RM100 juta daripada ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Sejak tarikh itu, terdapat beberapa lain hantaran dalam Facebook berkenaan berkaitan Zeti termasuk pautan berita daripada beberapa portal berita berhubung isu sama.

Pada 31 Disember lalu, Zeti mengeluarkan satu kenyataan



**NAJIB Razak ketika hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam bagi perbicaraan kes penyelewengan dana RM2.28 bilion milik 1MDB.**

media menafikan beliau atau mana-mana ahli keluarganya menerima wang daripada Jho Low atau dari 1MDB.

"Tertuduh telah memuat naik hantaran dalam Facebook miliknya menyerang saksi pendakwaan seolah-olah sedang membuat pembelaan. Perbicaraan telah bermula di mahkamah undang-undang dan bukannya

dibicarakan di media sosial.

"Saya tidak mahu membuat sebarang permohonan agar jaminannya ditarik atau membuat permohonan menghina mahkamah tetapi saya sangat berbesar hati sekiranya mahkamah mengenakan satu amaran tegas terhadap tertuduh. Kami perlukan jaminan bahawa saksi-saksi kami tidak

akan diserang lagi," kata Sri Ram.

Sementara itu, peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memaklumkan pihaknya hanya mengetahui mengenai perkara tersebut pagi semalam dan memerlukan masa untuk berhujah mengenai aduan pendakwaan itu.

Bagaimanapun katanya, ada-

lah tidak adil anak guamnya dihalang untuk membuat sebarang kenyataan sedangkan Najib sering dijadikan bahan oleh pihak lain.

"Kami pernah meminta perintah sekatan (*gag order*) bagi menghalang mana-mana pihak mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai kes yang dihadapi anak guam saya tetapi tidak dibenarkan.

"Semua orang boleh bercakap tentang anak guam saya tetapi Tommy Thomas tidak berbuat apa-apa. Adakah anak guam saya perlu menerima sahaja 'pukulan' daripada orang lain tetapi tidak boleh melawan?" kata peguam itu.

Hakim Sequerah kemudian mengarahkan pihak-pihak membuat hujahan lanjut mengenai perkara itu Khamis ini.

Sejurus selepas mahkamah mengeluarkan arahan tersebut, Muhammad Shafee bangkit sekali lagi dan memohon agar perbicaraan yang dijadualkan bersambung esok (Rabu) dilapangkan atas alasan Najib perlu pulang ke Pekan, Pahang bagi meninjau keadaan banjir di kawasan tersebut.

Hakim Sequerah bagaimanapun menolak permohonan tersebut.

"Saya telah banyak memberikan kelonggaran termasuk melapangkan tarikh perbicaraan semalam (Isnin). Perbicaraan akan diteruskan esok, permohonan ditolak," ujar hakim itu.